

Jangan ambil mudah ancaman seperti ini

DE 13/09/2011 1

Hayati Dzulkifli dan Rini Zuhlifah Ismail

KOTA KINABALU: Orang-orang yang menunjukkan tanda-tanda awal untuk cuba membunuh diri harus segera dibantu.

Profesor Psikologi Universiti Malaysia Sabah (UMS) Dr Rosnah Ismail berkata, ahli keluarga, saudara mara, rakan-rakan dan kekasih tidak seharusnya memandang ringan atau mengabaikan tanda-tanda seperti itu yang ditunjukkan oleh orang-orang tersayang.

Katanya, tanda-tanda yang ditunjukkan melalui cara berseloroh juga harus diberi perhatian kerana ada sesetengah orang yang meluahkan kemurungan dan kehampaan mereka dengan cara itu untuk mendapat perhatian.

"Biasanya, seseorang yang berfikir untuk membunuh diri akan menunjukkan tanda-tanda kemurungan dan tekanan disebabkan masalah yang dialaminya.

"Jadi apabila tanda-tanda itu kelihatan, ahli keluarga atau orang-orang tersayang harus menunjukkan kasih sayang dan pandang serius hasrat seseorang itu untuk mati atau membunuh diri," katanya kepada *Harian Ekspres* di sini.

Dr Rosnah ditanya tentang pandangannya mengenai seorang lelaki berusia 24 tahun yang melaksanakan ancamannya untuk membunuh diri setelah hubungannya dengan teman wanita yang telah dikenalnya selama dua bulan melalui Internet menghadapi masalah.

Mayatnya ditemui di tempat letak kereta sebuah kondominium di Jalan Sulaman pada pukul 4 petang. Dia dipercayai terjatuh dari aras 9.

Mohd Ferdauez bin Pahrudin dari Tawau dipercayai bergaduh dengan teman wanitanya sebelum mengambil keputusan untuk membunuh diri.


Kakaknya menerima SMS daripada Mohd Ferdausz kira-kira jam 5.30 pagi, mengenai dia akan mati sekiranya tidak dapat berjumpa dengan teman wanitanya.

Juga difahamkan, antara 3.18 dan 3.22 petang, teman wanita itu menerima tiga SMS daripadanya menyatakan yang dia hendak membunuh diri jika mereka tidak berjumpa.

"Dalam kes bunuh diri terbaharu itu, gemulah menggunakan SMS untuk menunjukkan hasratnya dan tanda-tanda mahu mati apabila tidak dapat bertemu dengan teman wanitanya.

"Kakak dan teman wanita itu seharusnya menyedari akan perubahan tingkah laku yang ditunjukkan dalam SMS gemulah kepada mereka itu. Kandungan SMS seperti itu yang mengancam untuk membunuh diri tidak seharusnya diabaikan," kata Dr Rosnah.

Katanya, dalam keadaan seperti itu, orang-orang yang rapat harus menunjukkan kasih sayang terhadap orang yang



Dua SMS yang dihantar oleh Mohd Ferdauez.



Dr Rosnah



Keyworth

harus dirujuk kepada pekerja sosial, ahli psikologi, ahli terapi atau kaunselor.

Sementara itu, pekerja sosial Anne Keyworth juga berkongsi pandangan sama di mana menurutnya ancaman bunuh diri tidak seharusnya dipandang ringan oleh anggota keluarga dan rakan-rakan.

"Sebarang jenis ancaman bunuh harus diberi perhatian serius.

"Semuanya mengenai sikap lebih penyayang terhadap orang lain. Ahli keluarga dan rakan-rakan harus menghulurkan tangan kepada orang-orang ini."

Dalam kes Ferdauez Pahrudin, kakaknya yang berusia 26 tahun itu sepatutnya menghubungi dan memujuknya," kata beliau.

Apabila ditanya mengenai punca membunuh diri pada

mengancam untuk membunuh diri itu. Dengan berbuat demikian, mereka boleh menghalangnya daripada melaksanakan hasratnya.

Dr Rosnah berkata, orang yang mempunyai niat atau cuba membunuh diri

amnya, Keyworth berkata, ia mungkin disebabkan tekanan, kemurungan, obsesi atau penolakan.

"Selain itu, punca biasa yang lain membunuh diri adalah masalah kewangan, kegagalan dalam perhubungan peribadi dan harapan tinggi.

"Semua pesakit yang membunuh diri mengalami kemurungan. Kemurungan seperti Schizophrenic boleh membuatkan pesakitnya bertindak ganas dan bercakap tidak menentu.

"Pesakit murung juga sering mengunci diri mereka dalam bilik. Saya menasihatkan semua kita menjalankan kewajipan sebagai ahli masyarakat yang penyayang dan beri perhatian terhadap perkara-perkara seperti ini.

"Terlalu banyak sebab membunuh diri. Malah kritikan juga boleh menyebabkan seseorang itu membunuh diri. Bukan itu sahaja, perkara mudah seperti menginginkan komputer riba yang lebih baik juga boleh menjadi penyebabnya.

"Apabila ahli keluarga atau rakan mengalami keadaan seperti ini, seseorang harus berusaha membawa mereka berjumpa dengan kaunselor atau ahli psikiatrik."

Mereka juga boleh hubungi saya atau Pertubuhan Bukan Kerajaan yang lkain seperti Befrienders, tambahna.

Beliau merasakan masyarakat kurang dididik mengenai perkara ini jadi mereka seolah-olah memandang ringan terhadap ancaman.

"Lebih banyak bahan dan maklumat harus diberi kepada orang ramai," kata Keyworth.